



Sama hebat dalam malam kebudayaan.

Oleh: **NOR ELLINA AB RAZAK**

Foto: **Ahmad Fua'ad Alwi**

SERDANG (9-12 Feb) - Sambutan Minggu Terbuka Kolej Kembar yang bertemakan 'Mahasiswa Globalisasi Sahsiah Terpuji' bertempat di kolej Keenam, Universiti Putra Malaysia anjuran Majlis Tertinggi Mahasiswa Kolej

Keenam Universiti Putra Malaysia wajar menjadi contoh dan diikuti oleh kolej-kolej lain di Institut Pengajian Tinggi di negara ini.

Ini kerana Sambutan Minggu Terbuka Kolej Kembar (MTKK) 2006 dianjurkan secara bijak melalui perkongsian pintar dengan melibatkan penyertaan dari warga Kolej Keenam tetapi juga penyertaan

Program kembar Kolej Keenam dan Kolej Desasiwa Cahaya Gemilang USM

“Mahasiswa Globalisasi Sahsiah Terpuji”

daripada penghuni Kolej Desasiwa Cahaya Gemilang, Univerisiti Sains Malaysia (USM).

Program yang julung-julung kalinya diharapkan dapat menjalinkan ukhuwah di kalangan mahasiswa dan mahasiswi yang berbilang kaum dari kedua-dua kolej. Selain itu, MTKK juga menjadi satu medium untuk mahasiswa membina kecemerlangan diri daripada aspek kecemerlangan akademik, perhubungan sosial dan kepemimpinan. Melalui program ini juga, secara tidak langsung

mahasiswa dapat bertukar-tukar idea dan pengalaman yang dapat dikongsi bersama dalam menerajui tampuk kepemimpinan yang semakin mencabar.

“Program sebegini dapat membentuk mahasiswa ke arah berketerampilan bukan sahaja dari segi intelek, sahsiah, rohani dan jasmani tetapi juga dalam aspek kepimpinan dalam menempuh cabaran Wawasan 2020 yang bakal tiba,” ujar Prof. Madya Dr. Che Roos Saad, Pengetua kolej Keenam.